

UMS anjur pameran kerjaya

DE 10.12.15 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah menjadi tuan rumah bagi Program Peningkatan Kebolehpasaran Pekerjaan dan Ketrampilan Graduan (FBEA Finish-ing School Programme).

Pameran kerjaya ini yang bertemakan 'Your Future Is Your Brand' akan diadakan hari ini (Khamis) bermula jam 9 pagi hingga 5 petang di Library Foyer and Auditorium Library, UMS. Pihak penganjur terdiri daripada Persatuan Mahasiswa Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan (PMPEP) dan diselenggarakan atas kerjasama Fakulti Perniagaan, Ekonomi, dan Perakaunan (FPEP).

Program ini bertujuan memberi latihan, panduan dan persediaan kepada para pelajar tahun akhir FPEP dalam menghadapi dunia pekerjaan yang penuh kompetitif sesudah mereka tamat pengajian di Universiti Malaysia Sabah kelak.

Secara langsung, kemahiran dan informasi pelajar dapat dipertingkatkan dalam menghadapi dunia pekerjaan serta mendapatkan pekerjaan dan melahirkan graduan FPEP yang *marketable*, berdaya saing, dan berkeyakinan tinggi seperti yang diharapkan oleh majikan.

Tambahan pula, pameran kerjaya ini menjadi platform dan medium terbaik kepada para mahasiswa terutamanya yang

berada di tahun ketiga mahupun yang lepasan sekolah untuk membantu meningkatkan keyakinan diri dalam dunia pekerjaan dan mengenai kemahiran untuk mendapat panggilan temuduga serta menghadapi temuduga pekerjaan.

Mahasiswa yang hendak mencari peluang perkerjaan berpeluang menghadiri temuduga terbuka yang dijangka menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan daripada 14 agensi pelbagai industri pada karnival berkenaan.

Maklumat seperti biodata peribadi dan kelulusan akademik perlu dibawa bersama kepada mahasiswa yang berminat menghadiri sesi temu duga.